

pergi ke hadapan orang-orang perempuan, lalu bersabda: “Wahai orang-orang perempuan, bersedekahlah, kerana sesungguhnya telah ditunjukkan kepadaku kamulah penghuni neraka yang paling ramai.”¹⁵² Maka bertanyalah mereka: “Kenapakah wahai Rasulallah?” Rasulallah s.a.w. menjawab: “Kamu suka sangat mengutuk, kamu juga tidak mengenang budi suami.”¹⁵³ Tidak pernah ku lihat orang-

dia tidak tsiqah dalam hadits dan ugamanya. Kerana itulah Hafiz Ibnu Hajar di dalam Taqribnya menulis, dia seorang matruk (tidak diterima periwayatannya).

¹⁵² Sesetengah ‘ulama’ berpendapat Allah s.w.t. telah memperlihatkan kepada Nabi s.a.w. pada malam Isra’ orang-orang perempuan sebagai penghuni neraka yang paling ramai. Tetapi zahir riwayat Ibnu ‘Abbaas yang akan dikemukakan nanti di bawah bab sembahyang kusuf (sembahyang gerhana matahari) menampakkan ia ditunjukkan kepada Baginda s.a.w. semasa bersembahyang gerhana matahari. Lafaz *أُرِيْتِكُنَّ* adalah kata kerja yang melampau kepada tiga maf’ul. Yang pertama adalah *تُنَّ*, maf’ul yang menjadi na’ib fa’il itu. Kedua adalah *كُنَّ* dan yang ketiga adalah *أَكْثَرُ*. Ertinya, aku (ya’ni Rasulallah s.a.w.) telah diberitahu dan diceritakan melalui wahyu bahawa orang-orang perempuan lebih ramai yang memasuki neraka berbanding kaum lelaki dan sedekah itu akan memelihara kamu dari masaalah ini kerana Baginda s.a.w. pernah bersabda, “*اتقوا النار ولو بشق تمرّة*” Bermaksud: “Hindarilah dirimu dari neraka walaupun dengan (bersedekah) secebis buah kurma.” Ini tidak bercanggah dengan hadits yang dikemukakan oleh Abu Ya’la daripada Abu Hurairah secara marfu’ di dalam hadits sangkakala yang panjang, di mana tersebut di dalamnya: “*فيدخل الرجل على اثنتين وسبعين زوجة مما ينشئ الله زوجتين من ولد آدم*” Bermaksud: “Maka masuklah seseorang itu (ke dalam syurga) dengan mendapat tujuh puluh dua orang isteri (dari kalangan bidadari) yang diciptakan (khusus) oleh Allah dan dua orang isteri dari kalangan anak Adam (manusia)” dan lain-lain hadits yang menunjukkan dua orang isteri dari kalangan anak Adam itu adalah perempuan-perempuan (yang datangnya dari) dunia. Dan ini secara tersiratnya menunjukkan orang-orang perempuan lebih ramai di dalam syurga berbanding neraka. Boleh jadi apa yang tersebut di dalam hadits 17 (hadits Abu Sa’id al-Khudri) di atas menggambarkan keadaan di dalam neraka di peringkat awal, sebelum orang-orang yang melakukan ma’shiat dikeluarkan dari neraka dengan syafa’at misalnya. Sesetengah ‘ulama’ pula berpendapat ramainya orang perempuan di dalam neraka seperti yang diperlihatkan kepada Rasulallah s.a.w. itu tertakluk kepada waktu itu sahaja dan ia bukanlah begitu di sepanjang masa. Bagi penulis, boleh jadi juga Rasulallah s.a.w. pada kali itu ditunjukkan kawasan neraka yang mana penghuninya lebih ramai perempuan daripada lelaki.

¹⁵³ Di antara sekian banyak dosa besar yang menyebabkan manusia dimasukkan ke dalam neraka, hanya sikap suka mengutuk dan tidak mengenang budi suami sahaja disebut Rasulallah s.a.w. di dalam hadits ini. Sebabnya ialah kedua-duanya adalah berkaitan dengan hak hamba. Ia pula mudah sangat berlaku. Selagi hamba yang teraniaya tidak mema’afkan, selama itulah Allah tidak akan mengampunkan dosa pelakunya. Berhubung dengan akibat dosa mengutuk dan mengatai orang Rasulallah s.a.w. ada menyebutkannya di dalam sebuah hadits. Baginda s.a.w. bersabda: *وَهَلْ يَكُفُّ النَّاسُ فِي النَّارِ عَلَى وُجُوهِهِمْ أَوْ عَلَى مَنَاقِبِهِمْ إِلَّا خَصَائِدُ السِّنْيَةِ* Bermaksud: Manusia itu tidak disembam ke dalam neraka kecuali oleh hasil tuaian lidah-lidah mereka. (Hadits riwayat Ahmad, at-Tirmizi, Ibnu Majah, al-Baihaqi dan lain-lain). Berhubung dengan kedudukan suami yang sangat tinggi dan kenapa tidak mengenang budinya boleh membawa seseorang isteri ke neraka pula Nabi s.a.w. bersabda: *لَوْ كُنْتُ أَمِيرًا أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ لِأَخِي لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ*

orang yang kurang 'aqlnya dan kurang agamanya daripada kamu, tetapi lebih mampu menghilangkan 'aql lelaki yang bijaksana". Mereka terus bertanya: "Apakah yang mengurangkan 'aql dan agama kami wahai Rasulullah?" Nabi s.a.w. menjawab: "Bukankah kesaksian perempuan itu separuh daripada kesaksian lelaki?" Mereka menjawab: "Ya." Sabda Rasulullah s.a.w.: "Itulah antara tanda kekurangan 'aqlnya. Bukankah apabila perempuan itu berhaidh, dia tidak boleh bersembahyang dan berpuasa?" Mereka menjawab: "Ya". Rasulullah s.a.w. bersabda: "Itulah antara tanda kekurangan agamanya."¹⁵⁴ (Bukhari-Muslim).¹⁵⁵

لزوجها Bermaksud: "Kalau aku hendak menyuruh seseorang bersujud kepada seseorang yang lain, niscaya ku suruh isteri bersujud kepada suaminya." (Hadits riwayat at-Tirmizi, Ahmad, Ibnu Hibbaan, ad-Daarimi, al-Haakim, at-Thabaraani dan lain-lain).

¹⁵⁴ Kenyataan Rasulullah s.a.w. ini mungkin menimbulkan kemusykilan di dalam benak sesetengah orang bahawa, kenapa Rasulullah s.a.w. mengaitkan kekurangan sudut keagamaan orang-orang perempuan dengan keadaan mereka tidak dapat bersembahyang dan berpuasa pada ketika datang bulan, padahal mereka tidak bersembahyang dan berpuasa itu bukanlah kerana lain melainkan kerana Allah jualah yang melarang mereka daripada mengerjakannya? Imam an-Nawawi cuba merungkai memusykilan itu dengan berkata: "Agama, iman dan Islam adalah tiga perkataan sinonim. Sebelum ini kami telah sebutkan bahawa keta'atan juga dipanggil iman dan agama. Dengan itu dapatlah difahami bahawa orang yang banyak ibadatnya, banyaklah juga iman dan agamanya. Sementara orang yang kurang ibadatnya, kurangnya juga iman dan agamanya." Hafiz Ibnu Hajar pula berpendapat: "Nabi s.a.w. mengatakan wanita itu kurang bukanlah untuk mencela mereka. Kenapa akan dicela sesuatu yang merupakan kejadian thabi'i? Maksud sebenar Rasulullah s.a.w. ialah mengingatkan kalangan lelaki agar tidak (mudah) terpesona dan terpengaruh dengan mereka. Kerana itulah Baginda s.a.w. mengaitkan seksaan neraka terhadap kalangan perempuan dengan kebiasaan mereka yang suka sangat mengutuk dan tidak mengenang budi suami. Baginda langsung tidak mengaitkannya dengan kekurangan mereka yang disebutkan selepas itu. Apa yang dikatakan sebagai kekurangan agama itu tidak semestinya berkenaan dengan sesuatu perbuatan yang mendatangkan dosa. Malah ia lebih umum lagi dari itu. Kekurangan dalam hal-hal keagamaan yang tidak mendatangkan dosa boleh berlaku misalnya kepada orang-orang yang tidak pergi bersembahyang Juma'at, tidak pergi berperang (berjihad) atau tidak melakukan perkara-perkara lain yang wajib ke atasnya kerana adanya sesuatu keuzuran. Adakalanya ia berlaku kerana ditakliffkan (ditetapkan oleh agama), seperti perempuan-perempuan berhaidh yang tidak (boleh) bersembahyang dan berpuasa. Pendek kata, kekurangan itu adalah suatu yang nisbi. Orang yang sudah sempurna misalnya masih lagi kurang jika dilihat kepada orang lain yang lebih sempurna daripadanya. Demikian juga dengan perempuan berhaidh. Ia memanglah tidak berdosa kerana meninggalkan sembahyang pada ketika datang bulan, tetapi ia tetap kurang daripada orang yang dapat bersembahyang." **Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah:** (1) Menafikan budi baik seseorang adalah haram. (2) Sikap tidak mengenang budi adalah suatu sikap tercela. (3) Penggunaan bahasa-bahasa kesat dan kasar seperti mengutuk, menyeranah dan mencarut juga diharamkan dalam agama. Ia merupakan antara dosa besar yang boleh menyebabkan seseorang disiksa di dalam neraka. (4) Mela'nat dan mendoakan keburukan untuk seseorang adalah perbuatan tercela. (5) Rasulullah s.a.w. sering juga menggunakan perkataan kufur

Manusia Tidak Patut Mendustakan Allah Dan MencaciNya

١٨- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اللَّهُ كَذَّبَنِي ابْنُ آدَمَ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ وَشَتَمَنِي وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ أَمَا تَكْذِبُهُ إِيَّايَ أَنْ يَقُولَ إِنِّي لَنْ أُعِيدَهُ كَمَا بَدَأْتُهُ وَأَمَا شَتَمُهُ إِيَّايَ أَنْ يَقُولَ اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا وَأَنَا الصَّمَدُ

untuk dosa-dosa yang tidak mengeluarkan seseorang daripada daerah Islam, semata-mata untuk mengancam umatnya daripada melakukannya. (6) Baginda s.a.w. juga sering menggunakan perkataan kufur untuk dosa-dosa yang boleh membawa kepada kekufuran atau ia hanya sesuai dengan orang-orang kafir, sama sekali ia tidak sesuai dan layak dengan orang-orang yang beragama Islam. (7) Keharusan menggunakan perkataan kufur dalam ertinya yang lebih luas menurut bahasa Arab. Seperti kekufuran terhadap suami, kekufuran terhadap budi dan jasa seseorang dan lain-lain. Ia pada hakikatnya berbeza dan tidak sama daripada kekufuran menurut istilah syara', iaitu kekufuran kepada Allah, rasulNya, hari akhirat dan lain-lain. Kekufuran yang bukan merupakan kekufuran sebenar atau kekufuran menurut syara' itu oleh sesetengah 'ulama' seperti Bukhari dan lain-lain dinamakan كفر دون كفر (kekufuran yang lebih rendah darjatnya daripada kekufuran sebenar menurut istilah syara'). (8) Sebagaimana iman ada banyak cabang (bahagian) dan pecahannya, demikianlah juga dengan cabang dan pecahan kekufuran. Hadits Rasulullah s.a.w. ada menyebutkan bahawa cabang atau bahagian iman yang tertinggi ialah لا إله إلا الله. Cabang atau bahagiannya yang terendah pula ialah menghilangkan sesuatu yang menyakiti orang daripada jalan mereka. Cabang atau bahagian kekufuran yang paling teruk dan tidak diampuni Allah ialah menyekutukanNya dengan sesuatu yang lain. Cabang bawahannya pula banyak sekali. Antaranya ialah yang disebut Rasulullah s.a.w. di dalam dua hadits berikut: (a) سباب المسلم فسوق (Memaki hamun orang muslim adalah kefasikan dan memeranginya adalah kekufuran). (b) من ترك الصلاة متعمدا فقد كفر (Sesiapa yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, dia sesungguhnya telah menjadi kafir). (9) Sedekah adalah antara amalan yang dapat menghindarkan seseorang daripada azab neraka. (10) Perempuan yang datang bulan tidak boleh bersembahyang dan berpuasa. (12) Nabi s.a.w. bersembahyang (hari) raya puasa dan (hari) raya haji di mushalla. (13) Orang-orang perempuan di zaman Rasulullah s.a.w. turut keluar ke mushalla untuk bersembahyang raya. (14) Keharusan bersoal jawab atau berbincang di antara lelaki dan perempuan dalam suasana yang tidak menimbulkan fitnah. (15) Pada umumnya kaum wanita lebih rendah tahap pemikiran dan keagamaannya berbanding kaum lelaki. Kerana itulah hukum untuk wanita dalam sesetengah kes lebih ringan dan lebih sempit. (16) Meskipun 'aql dan agama wanita tidak sekuat lelaki, namun wanita mempunyai kelebihan tersendiri apabila ternyata mereka mampu menghilangkan 'aql lelaki yang bijaksana. (17) Kecerdikan para sahabat wanita Rasulullah s.a.w. dan keprihatinan mereka terhadap soal-soal keagamaan. (18) Pada ketika-ketika tertentu pemimpin elok memberi nasihat dan bimbingan secara khusus kepada golongan wanita.

¹⁵⁵ Hadits ini turut diriwayatkan oleh an-Nasaa'i dan Ibnu Majah. Muslim meriwayatkan juga hadits ini daripada Abi Hurairah dan Ibnu Umar. Bukhari dan Muslim meriwayatkan juga hadits ini daripada Jabir.